



(15 Mac 2021) Sinar Harian, p.10

# 1,354 kes baharu, 4 kematian

Oleh MUHAMMAD AMNAN HIBRAHIM

SHAH ALAM

Malaysia merekodkan sebanyak 1,354 kes baharu Covid-19 dengan empat lagi kematian baharu pada Ahad.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, perkembangan itu menjadikan jumlah kumulatif kes Covid-19 di Malaysia bertambah kepada 323,763 kes dengan jumlah kumulatif kematian pula ialah 1,210 kes.

Katanya, kesemua kes kematian pada Ahad adalah melibatkan warga tempatan dengan dua daripadanya adalah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Sarawak serta Selangor pula masing-masing merekodkan satu kes.

“Sementara itu jumlah kes sembuh baharu pada hari ini (Ahad) ialah sebanyak 1,782 kes dan menjadikan jumlah kes sembuh keseluruhan kepada 306,274 dengan peratusan sembuh 94.6 peratus.

“Sebanyak 158 kes dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 71 kes memerlukan bantuan pernafasan,” katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Dr Noor Hisham berkata, pecahan kes baharu pada Ahad terbahagi kepada 1,340 kes tempatan dan 14 kes import dengan jumlah kes yang masih aktif sebanyak 16,279 kes.

Menurutnya, terdapat tiga lagi kluster baharu dikesan pada Ahad dengan dua daripadanya adalah kluster tempat kerja dan satu kluster komuniti.

“Dua kluster baharu tempat kerja ialah kluster Jalan Mutalib Tiga (Johor) dan kluster Jalan Sutera (Selangor) manakala



DR NOOR HISHAM

satu kluster komuniti berlaku di Sarawak iaitu kluster Begalok.

“Sementara itu terdapat lima kluster yang tamat pada hari ini (Ahad) iaitu Kluster Batu 57, Kluster Jalan Kuala Selangor, Kluster Tanjung Megah, Kluster Tembok Renggam, dan Kluster Jalan Jelatek.

“Sebanyak 64 kes iaitu 4.7 peratus yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster di penjara membabitkan Kluster Tembok Tapah 57 kes, Kluster Tembok Sungai Udang (2 kes),


Kluster Tembok Pengkalan Chepa (2 kes), Kluster Penjara Jalan Harapan (2 kes), dan Kluster Tembok Taiping (1 kes),” katanya.

Pada masa sama, Dr Noor Hisham berkata, Selangor kekal menjadi negeri yang merekodkan pertambahan harian tertinggi iaitu sebanyak 577 kes diikuti Sarawak (178 kes) dan Pulau Pinang (154 kes).


Katanya, jumlah kes baharu di negeri lain pula ialah Johor dengan 121 kes, Perak (101), Sabah (39), Terengganu, Kuala Lumpur (55), Negeri Sembilan (21), Kedah (33), Melaka (4), Kelantan (26), Pahang (5), Putrajaya (2) dan Labuan (1).

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

\*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 14 Mac 2021



Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

|                     |         |                |          |                 |                   |
|---------------------|---------|----------------|----------|-----------------|-------------------|
| JUMLAH KESELURUHAN: | 323,763 | PULIH: 306,274 | ICU: 158 | KEMATIAN: 1,210 | KES BAHARU +1,354 |
|---------------------|---------|----------------|----------|-----------------|-------------------|

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 322,409 kes kepada 323,763 kes

